



GAMBAR pemandangan dari udara pada 21 Jun lalu menunjukkan kawasan dilanda banjir di Shangrao, wilayah Jiangxi. - AFP

Lebih 1.8 bilion penduduk berpotensi terjejas, Asia rantau paling berisiko

Ancaman banjir global makin serius

Kosmo (11/7/2022) Page 33

PARIS - Hampir satu perempat penduduk dunia terdedah kepada risiko banjir serius dengan rakyat di negara-negara miskin lebih terancam, demikian menurut kajian baharu yang diterbitkan minggu ini.

Banjir disebabkan hujan lebat dan peningkatan paras air laut telah menjejaskan berjuta-juta orang saban tahun. Bencana itu juga menyebabkan kerosakan kediaman, infrastruktur dan ekonomi bernilai berbilion-bilion dolar.

Risiko banjir pula semakin meningkat berikutan kenaikan paras air laut disebabkan perubahan iklim global.

Kajian baharu yang diterbitkan dalam jurnal *Nature Communications* itu menganalisis data global tentang risiko banjir dari laut, sungai dan hujan di samping meneliti agihan penduduk dan anggaran kemiskinan



Situasi ini mencetuskan risiko signifikan terhadap nyawa dan kehidupan terutamanya kepada kumpulan populasi yang mudah terkesan."

daripada Bank Dunia.

Menurutnya, sekitar 1.81 bilion atau 23 peratus penduduk dunia terdedah secara langsung kepada banjir pada kedalaman melebihi 15 sentimeter.

"Situasi ini mencetuskan risiko signifikan terhadap nyawa dan kehidupan terutamanya kepada kumpulan populasi yang mudah terkesan," kata kajian tersebut.

Kajian sama menyebut bahawa secara keseluruhan, ham-



PENDUDUK berdiri di atas bumbung rumah mereka di kawasan banjir di Sunamganj, Bangladesh pada 21 Jun lalu. - AFP

pir 90 peratus penduduk yang terdedah kepada banjir tinggal di negara berpendapatan rendah

atau sederhana.

Tambahnya, bilangan populasi yang hidup dalam kemiskinan

dan berdepan risiko banjir serius adalah lebih tinggi daripada jangkaan sebelum ini.

Penyelidik-penyelidik berkenaan berkata, aktiviti ekonomi di seluruh dunia bernilai AS\$9.8 bilion (RM43.1 bilion) didapati tertumpu di kawasan-kawasan yang terdedah kepada banjir serius.

Dianggarkan pula, kata mereka, bahawa sebahagian besar populasi yang terdedah kepada banjir atau bersamaan 1.24 bilion orang, tinggal di rantau Asia Selatan dan Asia Tengah dengan China serta India merangkumi satu pertiga daripada angka global.

Pada bulan ini, banjir besar di selatan China menyebabkan lebih 500,000 orang hilang tempat tinggal, manakala di Bangladesh pula seramai tujuh juta mangsa banjir berada dalam keadaan terdesak dan memerlukan bantuan. - AFP